



Syarikat bakal mendapat manfaat daripada peningkatan peluang dalam pasaran makanan dan minuman dan pasaran barang laris di Myanmar kerana negara itu sedang beralih daripada sebuah ekonomi tertutup kepada ekonomi terbuka”

Lim Peng Jin,
Pengarah Urusan
Scientex



Pengambilalihan 42.4 peratus saham Daibochi Berhad pacu pertumbuhan pendapatan Scientex.

Scientex dapat kelulusan beli pegangan Daibochi

Pemegang saham pengeluar pembungkusan global dan pemaju hartanah, Scientex Bhd, semalam meluluskan cadangan syarikat untuk membeli 42.4 peratus pegangan dalam Daibochi dengan harga RM221.1 juta.

Pembelian itu dijangka selesai pada atau sebelum 19 Februari 2019, dan akan memberi sumbangan positif kepada pendapatan Scientex bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Julai 2019 dan seterusnya.

Pengarah Urusan Scientex, Lim Peng Jin, berkata pemegang saham juga meluluskan cadangan pengambilalihan mandatori semua baki saham dan waran dalam Daibochi yang

belum lagi dimiliki Scientex.

“Scientex akan mengekalkan status penyenaian Daibochi di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Bhd dan mengekalkan tenaga kerja operasi Daibochi di Malaysia dan Myanmar,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat agung luar biasa syarikat itu, di Kuala Lumpur, semalam.

Bakal dapat manfaat

Selepas pengambilalihan itu, Peng Jin berkata dua bahagian utama di mana gabungan kepakaran daripada kedua-dua syarikat akan meningkatkan pertumbuhan ialah perkongsian pengetahuan dan pasaran

makanan dan minuman di Myanmar.

“Syarikat bakal mendapat manfaat daripada peningkatan peluang dalam pasaran makanan dan minuman dan pasaran barang laris di Myanmar kerana negara itu sedang beralih daripada sebuah ekonomi tertutup kepada ekonomi terbuka.

“Kami berharap dapat meningkatkan operasi bagi memanfaatkan pasaran yang sedang pantas berkembang itu,” katanya.

Sementara itu, Daibochi, dalam makluman kepada Bursa Malaysia berkata syarikat itu menerima tawaran notis pengambilalihan mandatori bersyarat daripada Scientex. **BERNAMA**